



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

JAWATAN : PEGAWAI PERUBATAN (GRED UD14)

TARAF JAWATAN : TETAP/PEMINJAMAN

BILANGAN KEKOSONGAN : SATU (1) KEKOSONGAN

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

TEMPAT : MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM6,560.00	RM15,360.00	RM320.00

A. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN:

1. Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Mempunyai:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
 - ii. Calon yang dilantik di bawah perenggan 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan perubatan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

2. Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.; **dan**
3. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.

B. SYARAT TAMBAHAN

Calon telah tamat menjalani Latihan Siswazah serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang perundangan / medico-legal.

C. FUNGSI BIDANG TUGAS

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) kini giat memperkukuh pelaksanaan fungsi kawal selia profesion perubatan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perubatan 1971. Seiring peluasan peranan dalam aspek pematuhan dan integriti amalan perubatan, MPM mempelawa doktor perubatan yang berkelayakan, berwibawa dan berintegriti tinggi untuk mengisi jawatan Pegawai Perubatan Gred UD14, yang akan mengetuai Bahagian Etika dan Perundangan selaku Pengarah.

Pegawai yang dilantik akan bertanggungjawab menyelia aspek etika dan perundangan melibatkan profesion perubatan berdaftar, serta memastikan pelaksanaan fungsi Majlis berlangsung secara cekap, berkesan dan selaras dengan kehendak undang-undang.

Skop tugas utama adalah seperti berikut:

- i. Memacu dan mentadbir keseluruhan operasi Bahagian Etika dan Perundangan bagi memastikan fungsi yang ditetapkan kepada MPM dilaksanakan secara cekap, teratur dan berintegriti;
- ii. Merancang, menyelaraskan dan memantau pengurusan kes-kes etika membabitkan pengamal perubatan berdaftar;
- iii. Merancang, menyelaraskan dan memantau urusan berkaitan perundangan dan litigasi yang melibatkan MPM;
- iv. Melaksanakan tugas tambahan atau penyelarasan lain dari semasa ke semasa sebagaimana yang diarahkan, demi memastikan pentadbiran bahagian berfungsi dengan baik dan objektif penubuhannya tercapai.

D. CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara online di Portal Rasmi Majlis Perubatan Malaysia (<https://mmc.gov.my>).
- b) Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dokumen seperti berikut:

- i. Satu (1) keping gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan).
 - ii. Salinan Kad Pengenalan (MyKad) dan salinan Sijil Kelahiran.
 - iii. Salinan Kelulusan Akademik (berkaitan permohonan) dan lain-lain dokumen sokongan.
 - iv. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah disertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemas kini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini serta mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Ceraian UP.1.2.1 – Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.
 - v. Kesemua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas).
- c) Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:
- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA,
Blok B, Aras Bawah, Jalan Cenderasari,
50590 KUALA LUMPUR.
U.P: Unit Sumber Manusia**
- d) Tuliskan **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON** di sebelah atas kiri sampul surat dengan **HURUF BESAR**.
- e) Permohonan yang tidak lengkap/lewat **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- f) **Tarikh tutup permohonan adalah pada 04 September 2025 (Khamis).**